

B 8796 AAB  
MAHATHIR - ILMU

KUALA TERENGGANU, 4 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN RAKYAT DAN GENERASI MALAYSIA PADA MASA DEPAN BERANI MENEROKA PELBAGAI BIDANG, TERMASUK PADA PERINGKAT ANTARABANGSA DENGAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA ILMU PENGETAHUAN MEREKA.

+RAKYAT HARUS MEMPUNYAI CITA-CITA YANG TINGGI, UNTUK MENJADIKAN BANGSA KITA DIHORMATI PADA PERINGKAT DUNIA,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN PEMBUKAAN SEKOLAH MENENGAH AJIL, KIRA-KIRA 32 KM DARI SINI.

YANG HADIR SAMA IALAH MENTERI BESAR DATUK AMAR WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOOR DAN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA ENCIK ALIAS ALI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, RAKYAT HARUS MEMBUKTIKAN BAHAWA KEMAMPUAN MEREKA ADALAH SETANDING DENGAN MASYARAKAT LAIN YANG LEBIH MAJU SUPAYA MEREKA TIDAK AKAN DIHINA.

KATANYA, ASAS UTAMA UNTUK MENCAPAI TUJUAN ITU IALAH DENGAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA ILMU PENGETAHUAN. -- LAGI  
1317MST 04 10 87

D444

B 8797 AAB  
MAHATHIR - ILMU 2 KUALA TERENGGANU

KATANYA, SEKOLAH TIDAK SEPATUTNYA DIJADIKAN TEMPAT UNTUK MENDAPATKAN SIJIL KELULUSAN TETAPI APA YANG LEBIH PENTING IALAH IANYA MENJADI PUSAT UNTUK MEMBENTUK SIKAP INGIN MAJU.

+ILMU PENGETAHUAN YANG DIDAPATI DARINYA HENDAKLAH DIGUNAKAN DENGAN BAIK DAN DENGAN SEPENUHNYA BAGI MENDATANGKAN FAEDAH,+ KATANYA.

MENURUT PERDANA MENTERI, TIDAK ADA FAEDAHNYA ILMU ITU JIKA IANYA TIDAK DIGUNAKAN UNTUK KERJA-KERJA YANG BOLEH MEMBAWA KEUNTUNGAN.

+IA ADALAH SEPERTI MEMPUNYAI SEKEPING TANAH YANG PENUH DENGAN EMAS TETAPI DIBIARKAN TANPA DIGALI UNTUK MENDAPATKANNYA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENJELASKAN TENTANG PROJEK PERIKANAN BERSAMA DENGAN NEGERI THAI BARU-BARU INI KERANA MENURUT PERDANA MENTERI SOAL MENANGKAP IKAN +NAMPAKNYA TELAH MENJADI MASALAH SENSITIF+. -- LAGI

1319MST 04 10 87

D445

B 8798 AAB  
MAHATHIR - ILMU 3 KUALA TERENGGANU

KATANYA, USAHASAMA ITU BERTUJUAN MEMBOLEHKAN NELAYAN-NELAYAN DI NEGARA INI MENDAPAT KEUNTUNGAN DARI LAUT DALAM MALAYSIA.

+TIDAK ADA GUNANYA KITA MEMPUNYAI KAWASAN YANG DIPANGGIL ZON EKONOMIK EKSKLUSIF TANPA MENGAUT KEKAYAAN YANG ADA DI DALAMNYA,+ KATANYA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA IKAN YANG DITANGKAP ADALAH DARIPADA JENIS TUNA YANG JUGA DIPANGGIL IKAN TONGKOL ATAU IKAN KAYU YANG DIGEMARI OLEH ORANG-ORANG JEPUN DAN DARI NEGARA BARAT.

PERUSAHAAN ITU TIDAK MENJEJASKAN KEDUDUKAN NELAYAN-NELAYAN PANTAI YANG MENANGKAP IKAN JENIS LAIN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, GOLONGAN YANG BERKEPENTINGAN POLITIK AKAN MENGGUNAKAN MASALAH ITU SEBAGAI +MODAL+ MEREKA. -- BERNAMA

1320MST 04 10 87